


SEBUT HARGA DALAM TALIAN



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

DOKUMEN SEBUTHARGA

(JILID 2/2)

BAGI

**PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN BERSENJATA API DI
KAUNTER HASIL IBU PEJABAT MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

NO. SEBUTHARGA	MBSJ.KUB.400-5/6/754
TARIKH BUKA	09 SEPTEMBER 2026
TARIKH TUTUP	22 SEPTEMBER 2026
MASA TUTUP	12.00 TENGAH HARI

**DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA,
USJ 5, PERSIARAN PERPADUAN,
47610 SUBANG JAYA,
SELANGOR D.E.
www.mbsj.gov.my**

PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN BERSENJATA API DI KAUNTER HASIL IBU PEJABAT MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN	BUTIRAN	MUKA SURAT
A	SPESIFIKASI PERKHIDMATAN KESELAMATAN I. Jadual Pembekalan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Beruniform Bersenjata Api II. Skop Perkhidmatan Kawalan Keselamatan III. Lampiran 1 (Kadar Penalti) IV. Lampiran 2 (Laporan Bulanan Syarikat)	3 - 18
B	<i>RESPONSE TIME</i>	19 - 20
C	PERJANJIAN KONTRAK	21 - 22
D	TERMA BAYARAN	23 - 24

ARAHAN

Petender adalah **DILARANG** sama sekali meletakkan tanda pengenalan Syarikat atau apa jua maklumat berkaitan seperti cap Syarikat, nama kakitangan Syarikat atau tanda tangan pada mana-mana bahagian di dalam dokumen Jilid 2/2 ini.

Kegagalan petender untuk mengikuti arahan sedemikian boleh menyebabkan penyertaan di dalam sebut harga ini **TIDAK DIPERTIMBANGKAN**.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN A

SPESIFIKASI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

SPESIFIKASI PERKHIDMATAN KESELAMATAN

NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/754

TAJUK SEBUT HARGA : PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN BERSENJATA
API DI KAUNTER HASIL IBU PEJABAT MAJLIS
BANDARAYA SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

I. Lokasi Premis Kawalan Keselamatan:

Kawalan Keselamatan Bersenjata Api			
Bil.	Lokasi	Waktu Kawalan <i>* Satu (1) orang Pengawal Keselamatan Bersenjata Api sahaja bagi setiap Waktu Kawalan</i>	Keupayaan Untuk Memenuhi Perkhidmatan (tandakan (/) di ruangan yang telah dipilih)
1.	Kaunter Hasil Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Subang Jaya	7.00 pagi hingga 6.00 petang	() Setuju () Tidak Setuju
Jumlah Keseluruhan Pengawal Keselamatan			1 orang

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

SPEKIFIKASI PERKHIDMATAN KESELAMATAN

NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/754

**TAJUK SEBUT HARGA : PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN BERSENJATA
API DI KAUNTER HASIL IBU PEJABAT MAJLIS
BANDARAYA SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

II. Skop Perkhidmatan Kawalan Keselamatan:

BIL	SKOP PERKHIDMATAN	SETUJU / TIDAK SETUJU	CADANGAN TAMBAHAN (SILA NYATAKAN)
1.	Syarikat bertanggungjawab membekal perkhidmatan kawalan keselamatan bagi tempoh 11 jam berdasarkan waktu bertugas seperti berikut: - Kawalan untuk 1 (satu) sesi mulai jam 0700 pagi - jam 1800 petang (Isnin Jumaat sahaja, tidak termasuk Sabtu & Ahad serta hari Kelepasan Am.)	Setuju / Tidak Setuju	
2.	Syarikat hendaklah memastikan pengawal keselamatan yang disediakan adalah : - Terlatih serta mahir dalam tugas kawalan keselamatan bersenjata api dan lulus ujian menembak. - Warganegara Malaysia berumur di antara 19 tahun hingga 55 tahun sahaja dan pemegang permit hendaklah berumur tidak melebihi 60 tahun dan lulus latihan ujian menembak. - Telah melalui proses tapisan keselamatan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KDN) dan bebas dari rekod jenayah. - Lulus pemeriksaan kesihatan dan ujian saringan air kencing (<i>urine test</i>) dan disahkan oleh pegawai perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan. Saringan air kencing juga boleh dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD). - Pengawal keselamatan yang bertugas telah menjalani kursus "<i>Certified Security Guards</i>" (CSG)	Setuju / Tidak Setuju	

BIL	SKOP PERKHIDMATAN	SETUJU / TIDAK SETUJU	CADANGAN TAMBAHAN (SILA NYATAKAN)
3.	Setiap Pengawal Keselamatan yang akan menggunakan senjata api mestilah telah mendapat latihan asas pengendalian senjata api dari mana-mana institusi yang diiktiraf dan latihan kemahiran susulan hendaklah dilaksanakan tidak kurang daripada 2 kali setahun dan telah menjalani kursus " <i>Certified Security Guards</i> " (CSG)	Setuju / Tidak Setuju	
4.	Syarikat hendaklah mematuhi takrif Pelesenan Senjata Api Di Bawah Akta Senjata Api 1960 yang mempunyai perkara-perkara berikut: ▪ Lesen A (induk) senjata api yang sah dan diluluskan oleh PDRM kepada syarikat; ▪ Lesen B (C & U) yang diluluskan oleh PDRM perlu dimiliki oleh pengawal bersenjata ketika menjalankan tugas; dan lesen-lesen diatas hendaklah diperbaharui setiap tahun mengikut tarikh yang ditetapkan.	Setuju / Tidak Setuju	
5.	Peraturan tetap dan syarat-syarat penggunaan serta pengendalian senjata api oleh syarikat agensi persendirian hendaklah meliputi perkara-perkara berikut: a) Menggunakan senjata api milik syarikat sahaja untuk tujuan kawalan; b) Memiliki lesen senjata api dan lesen <i>Carry and Use License</i> (C & U) terlebih dahulu sebelum menjalankan sesuatu aktiviti kawalan bersenjata; c) Pengawal Keselamatan wajib mendapat kelulusan lesen membawa dan menggunakan senjata api atau <i>Carry and Use License</i> (C & U) d) Penggunaan senjata api milik persendirian dan RELA untuk tujuan kawalan keselamatan tidak dibenarkan sama sekali (sekiranya syarikat perlu untuk menggunakan senjata api milik	Setuju / Tidak Setuju	

BIL	SKOP PERKHIDMATAN	SETUJU / TIDAK SETUJU	CADANGAN TAMBAHAN (SILA NYATAKAN)
	persendirian bagi tujuan kawalan syarikat, syarat kegunaan senjata api perlu dipinda dan mendapat kelulusan daripada PDRM sebelum menggunakannya); e) Pemegang Lesen A senjata api adalah bertanggungjawab memastikan semua pergerakan maklumat senjata api dan peluru terhad kepada yang berkenaan sahaja. f) Pengawal Keselamatan yang membawa, mengendali dan menggunakan senjata api tidak dibenarkan menaiki kenderaan awam melainkan kenderaan syarikat sahaja. g) Pengawal Keselamatan bersenjata mesti berpakaian lengkap syarikat pada setiap masa bertugas. h) Pengawal Keselamatan tidak dibenarkan melepaskan tembakan kecuali untuk mempertahankan nyawa sendiri, orang awam atau harta benda di bawah kawalannya ketika terancam. Tembakan amaran adalah tidak dibenarkan sama sekali. i) Pengawal Keselamatan hendaklah memastikan / menentukan senjata api jenis 'Pump Gun' dalam keadaan selamat dan baik serta tiada peluru di dalam <i>chamber</i> semasa mengeluarkan senjata api dari stor senjata. Pengawal hendaklah menyelamatkan senjata api 'Pump Gun' semasa mengambilnya sebelum memulakan tugas; j) Sebelum memulakan penugasan, Pengawal Keselamatan hendaklah memeriksa dan memastikan senjata api		

BIL	SKOP PERKHIDMATAN	SETUJU / TIDAK SETUJU	CADANGAN TAMBAHAN (SILA NYATAKAN)
	'Pump Gun' dalam keadaan selamat untuk digunakan. k) Pengawal Keselamatan hendaklah mengarahkan laras senjata api 'Pump Gun' ke atas (langit) semasa menyelamatkan senjata api manakala semasa mengeluarkan peluru, senjata api 'Pump Gun' hendaklah samada hala ke arah langit atau ke bawah. l) Pengawal Keselamatan tidak dibenarkan mengarah senjata api 'Pump Gun' ke arah sesiapa pun tanpa sebab melainkan untuk tujuan menembak apabila dalam situasi tertentu. m) Pengawal Keselamatan yang membawa dan menggunakan senjata api 'Pump Gun', jari hendaklah sentiasa tidak berada di luar pelindung pemetik picu (<i>trigger guard</i>) melainkan dengan tujuan untuk menembak sahaja, ini adalah penting bagi mengelak sebarang kemalangan sekiranya pembawa senjata api terjatuh atau tergelicir yang boleh menyebabkan kemalangan; n) Pengawal Keselamatan tidak dibenarkan sama sekali bermain-main dengan senjata api 'Pump Gun' semasa bertugas, ini kerana senjata api jenis 'Pump Gun' boleh meletup dengan sendiri atas sebab gegaran atau terpetik picu atau terhentak semasa jatuh jika senjata telah dicekahkan (<i>coocking</i>); dan o) Pengawal keselamatan bersenjata api tidak dibenarkan menjalankan tugas-tugas selain daripada kawalan bersenjata sahaja, contohnya seperti membantu tugas-tugas di kios dan sebagainya		

BIL	SKOP PERKHIDMATAN	SETUJU / TIDAK SETUJU	CADANGAN TAMBAHAN (SILA NYATAKAN)
	adalah bukan bidang tugas pengawal keselamatan.		
6.	Semua syarikat / agensi persendirian hendaklah mematuhi Peraturan Tetap Operasi (PTO) No. 1/2010 yang telah ditetapkan. Kegagalan syarikat mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan di atas boleh dikenakan tindakan dibawah Seksyen 4 (1), Akta Agensi Persendirian 1971.	Setuju / Tidak Setuju	
7.	Tugas Pengawal Keselamatan: ▪ Pengawal Keselamatan hendaklah berada di lokasi yang bersesuaian untuk membuat tinjauan kepada pergerakan masuk dan keluar orang di premis / bangunan MBSJ dan lokasi tersebut tidak menyukarkan pengawal menyalurkan maklumat berkaitan keselamatan khususnya didalam situasi kecemasan seperti pencerobohan, kecurian, kebakaran dan sebagainya. ▪ Pengawal Keselamatan mestilah peka kepada persekitaran yang menimbulkan keraguan dan menilai penemuan yang diperolehi dengan mengambil tindakan segera atau mengambil inisiatif yang sesuai bagi mengelakkan perkara tidak diingini berlaku; seperti kecurian / pencerobohan. ▪ Buku Laporan Kawalan Keselamatan Harian hendaklah ditulis dengan kemas dan sempurna bagi memudahkan semakan dan pemantauan Penyelia Pengawal Keselamatan. ▪ Kawasan kios hendaklah dilindungi daripada orang-orang yang boleh mengancam keselamatan oleh pengawal keselamatan. ▪ Pengawal Keselamatan perlu dimaklumkan dan dibekalkan dengan nombor-nombor	Setuju / Tidak Setuju Setuju / Tidak Setuju Setuju / Tidak Setuju Setuju / Tidak Setuju	

BIL	SKOP PERKHIDMATAN	SETUJU / TIDAK SETUJU	CADANGAN TAMBAHAN (SILA NYATAKAN)
	telefon yang perlu dihubungi sewaktu kejadian kecemasan dan sebagainya. ▪ Rondaan hendaklah dilakukan di sekeliling dan keseluruhan kawasan tanggungjawab. ▪ Pengawal Keselamatan hendaklah memastikan segala peraturan yang perlu dipatuhi oleh orang awam di dalam premis / bangunan MBSJ dipatuhi dan hendaklah membuat teguran kepada mana-mana orang yang tidak mematuhi peraturan yang telah dikeluarkan atau mengambil tindakan yang sewajarnya kepada kesalahan yang ditemui. ▪ Pengawal Keselamatan hendaklah sentiasa bersedia dan boleh mengecam mana-mana kesalahan yang mungkin atau akan dilakukan oleh mana-mana orang di dalam kawasan rondaannya dan bersiap sedia membuat teguran atau mengambil tindakan yang sewajarnya. ▪ Pengawal Keselamatan tidak dibenarkan tidur semasa bertugas.	Setuju / Tidak Setuju Setuju / Tidak Setuju Setuju / Tidak Setuju Setuju / Tidak Setuju Setuju / Tidak Setuju	
8.	Penyelia Pengawal Keselamatan: ▪ Penyelia Pengawal Keselamatan hendaklah memantau penugasan Pengawal Keselamatan dan sentiasa memberi maklumat terkini kepada Pengawal Keselamatan. ▪ Penyelia Pengawal Keselamatan adalah bertanggungjawab kepada disiplin, latihan, kebersihan dan kekemasan tempat bertugas, sentiasa berpakaian seragam	Setuju / Tidak Setuju Setuju / Tidak Setuju	

BIL	SKOP PERKHIDMATAN	SETUJU / TIDAK SETUJU	CADANGAN TAMBAHAN (SILA NYATAKAN)
	syarikat yang lengkap, mematuhi arahan penugasan, menyediakan peralatan keselamatan, buku-buku rekod keselamatan Pengawal Keselamatan. ▪ Penyelia Pengawal Keselamatan hendaklah memeriksa setiap pergerakan kawalan keselamatan seperti mana penugasan yang dibuat secara mingguan ▪ Penyelia Pengawal Keselamatan hendaklah melaporkan dengan segera kepada Bahagian Pentadbiran Am, Jabatan Khidmat Pengurusan sebarang penemuan kerosakan dan lokasi yang terdedah kepada sebarang ancaman seperti risiko kepada kecurian / pencerobohan. Penyelia juga harus memastikan Pengawal Keselamatan mengawal ketat lokasi yang dikenalpasti terdedah kepada risiko-risiko tersebut. Inisiatif / tindakan awal perlu diambil bagi mengelakkan perkara tidak diingini berlaku sehinggalah MBSJ telah mengambil tindakan penambahbaikan. ▪ Penyelia Pengawal Keselamatan adalah bertanggungjawab melaksanakan penggantian sertamerta sekiranya pengawal keselamatan yang sedia ada tidak hadir bertugas (bercuti/sakit) ▪ Penyelia Pengawal Keselamatan hendaklah menyediakan ringkasan laporan bulanan untuk diserahkan kepada MBSJ pada setiap berakhir bulan tersebut. (Format laporan seperti di Lampiran 2)	Setuju / Tidak Setuju Setuju / Tidak Setuju Setuju / Tidak Setuju Setuju / Tidak Setuju	

BIL	SKOP PERKHIDMATAN	SETUJU / TIDAK SETUJU	CADANGAN TAMBAHAN (SILA NYATAKAN)
9.	Bagi sebarang kegagalan mematuhi skop kerja, kejadian pencerobohan ke dalam premis / bangunan kawalan, kehilangan aset MBSJ, atau apa-apa kejadian yang disebabkan oleh kecuaiian Pengawal Keselamatan dalam menjalankan tugas, pihak Majlis berhak memotong bayaran bulanan berdasarkan kadar penalti yang ditetapkan, seperti di Lampiran 1 (Kadar Penalti).	Setuju / Tidak Setuju	
10.	Majlis Bandaraya Subang Jaya berhak untuk menambahbaik dan meminda skop kerja dari masa ke semasa berdasarkan keperluan.	Setuju / Tidak Setuju	

*wajib nyatakan samada setuju / tidak setuju

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

SPESIFIKASI PERKHIDMATAN KESELAMATAN

NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/754

TAJUK SEBUT HARGA : PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN BERSENJATA
API DI KAUNTER HASIL IBU PEJABAT MAJLIS
BANDARAYA SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

III. Lampiran 1 (KADAR PENALTI)

- 1) Penalti akan dikenakan bagi setiap penemuan kesalahan berdasarkan kadar penalti seperti berikut:

BIL	KESALAHAN	PENALTI	SETUJU / TIDAK BERSETUJU
1.	KETIADAAN PENGAWAL – (Pengawal Bersenjata Api) <i>Ketiadaan pengawal bersenjata api di kios / lokasi kawalan yang ditetapkan.</i>	RM 250 .00 Seorang + Surat Tunjuk Sebab	() Setuju () Tidak Setuju
2.	TIDUR <i>Pengawal tidur dalam masa bertugas</i>	RM 100 .00 Seorang + Surat Tunjuk Sebab	() Setuju () Tidak Setuju
3.	TIDAK MEMAKAI PAKAIAN SERAGAM YANG DISEDIAKAN OLEH SYARIKAT <i>Pengawal tidak memakai kelengkapan seragam dengan lengkap (Mempunyai Logo Syarikat) seperti yang ditetapkan.</i>	RM 50 .00 Seorang + Surat Tunjuk Sebab	() Setuju () Tidak Setuju

BIL	KESALAHAN	PENALTI	SETUJU / TIDAK BERSETUJU
4.	MEMBENARKAN ORANG AWAM MASUK BERTUJUAN MEMBUAT KACAU GANGGU DI KAWASAN KAWALAN / PREMIS / BANGUNAN <i>Pengawal membenarkan orang awam (individu / kumpulan) masuk dengan tujuan membuat kacau ganggu melibatkan kawasan kawalan / premis / bangunan.</i>	RM 50 .00 Seorang + Surat Tunjuk Sebab	() Setuju () Tidak Setuju
5.	TIDAK MENCATAT LAPORAN / MENCATAT LAPORAN LEBIH AWAL DARI MASA YANG SEPATUTNYA <i>Pengawal tidak mencatatkan laporan tugas dalam Buku Laporan Harian</i>	RM 50 .00 Seorang + Surat Tunjuk Sebab	() Setuju () Tidak Setuju
6.	TIDAK MENJAGA ETIKA <i>Tidak menjaga etika kerja dengan baik (merokok & mengambil minuman keras) dan kekemasan pakaian seragam syarikat sehingga memberi imej buruk kepada Majlis.</i>	RM 50 .00 Seorang + Surat Tunjuk Sebab	() Setuju () Tidak Setuju
7.	PENGAWAL TERLIBAT DALAM PENYALAHGUNAAN DADAH <i>Pengawal didapati terlibat dengan penyalahgunaan dadah samada melalui air kencing / penemuan barang terlarang (dadah) di dalam kawasan premis / bangunan kawalan.</i>	RM 50 .00 Satu Pos Kawalan + Surat Tunjuk Sebab	() Setuju () Tidak Setuju

BIL	KESALAHAN	PENALTI	SETUJU / TIDAK BERSETUJU
8.	KEHILANGAN ATAU KEROSAKAN BARANGAN / PERALATAN / ASET / KEMUDAHAN DI LOKASI KAWALAN <i>Berlakunya kehilangan atau kerosakan harta Kerajaan di premis yang disebabkan oleh kecuaian, kelalaian atau salah laku Syarikat atau Pengawal Keselamatan atau mana-mana pekerja Syarikat yang dilantik.</i>	Pengantian atau Bayaran Balik Mengikut Nilai Kerosakan / Kehilangan + Surat Tunjuk Sebab	() Setuju () Tidak Setuju
9.	PENGAWAL KESELAMATAN YANG BERTUGAS TIDAK MEMPUNYAI MAKLUMAT KELULUSAN TAPISAN KESELAMATAN <i>Syarikat perlu memastikan pengawal keselamatan yang bertugas WAJIB lulus tapisan keselamatan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan mengemukakan keputusan LULUS bagi setiap pengawal keselamatan kepada Majlis dalam tempoh satu (1) bulan selepas pengawal keselamatan diarahkan bertugas.</i>	RM 100.00 Seorang + Surat Tunjuk Sebab	() Setuju () Tidak Setuju
10.	PENGAWAL KESELAMATAN BERSENJATA YANG BERTUGAS TIDAK MEMBAWA SENJATA API JENIS 'PUMP GUN' KETIKA BERTUGAS. <i>Pengawal keselamatan bersenjata bertugas dengan</i>	RM 200.00 + Surat Tunjuk Sebab + Penghantaran Senjata Api jenis 'Pump Gun' serta- merta oleh Syarikat.	() Setuju () Tidak Setuju

BIL	KESALAHAN	PENALTI	SETUJU / TIDAK BERSETUJU
	<i>tidak dibekalkan senjata api jenis 'Pump Gun' ketika bertugas di lokasi / premis / bangunan.</i>		
11.	PEGAWAI OPERASI GAGAL MELAKUKAN PEMANTAUAN SECARA BERKALA <i>Pemantauan secara berkala tidak kurang daripada satu (1) kali seminggu dan perlu direkodkan di dalam buku laporan pengawal bertugas sebagai bukti.</i>	RM 150.00 / Premis + Surat Tunjuk Sebab + Surat Amaran	() Setuju () Tidak Setuju
12.	PEGAWAI OPERASI GAGAL MELAPORKAN PENEMUAN KEROSAKAN DAN INSIDEN PENCEROBOHAN. <i>Pegawai Operasi bertanggungjawab melaporkan dengan segera kepada wakil Majlis sebarang penemuan kerosakan dan sebarang insiden pencerobohan sekiranya berkaitan.</i>	RM 100.00 / Premis + Surat Tunjuk Sebab	() Setuju () Tidak Setuju
13.	PENGAWAL KESELAMATAN BERSENJATA GAGAL MEMBAWA LESEN BERSENJATA API KETIKA BERTUGAS. <i>Pengawal keselamatan GAGAL membawa lesen persenjataan yang didaftarkan di bawah lantikan Syarikat ketika bertugas di lokasi / premis / bangunan.</i>	RM 200.00 + Surat Tunjuk Sebab	() Setuju () Tidak Setuju

BIL	KESALAHAN	PENALTI	SETUJU / TIDAK BERSETUJU
14.	PENGAWAL KESELAMATAN BERSENJATA GAGAL MEMPERBAHARUI LESEN BERSENJATA API	RM 200.00 + Surat Tunjuk Sebab	() Setuju () Tidak Setuju
15.	SYARIKAT GAGAL MEMBUAT PENYELENGGARAAN SENJATA API <i>Peralatan atau kelengkapan yang disediakan oleh Syarikat bagi tujuan perkhidmatan kawalan keselamatan di premis tidak berfungsi atau tidak diselenggara dengan baik yang boleh menyebabkan kemalangan / kecederaan / kematian.</i>	RM 350.00 + Surat Tunjuk Sebab	() Setuju () Tidak Setuju

*wajib nyatakan samada setuju / tidak setuju

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

SPESIFIKASI PERKHIDMATAN KESELAMATAN

NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/754

**TAJUK SEBUT HARGA : PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN BERSENJATA
API DI KAUNTER HASIL IBU PEJABAT MAJLIS
BANDARAYA SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

IV. Lampiran 2 (LAPORAN BULANAN SYARIKAT)

1) Lokasi Kawalan :

BIL.	LAPORAN KAWALAN (Secara Keseluruhan)	PENEMUAN MASALAH / KEROSAKAN ASET MBSJ / BANGUNAN / PREMIS MBSJ	GAMBAR LOKASI KAWALAN
	Pengawal Bertugas:		

2) Lokasi Kawalan :

CONTOH

BIL.	LAPORAN KAWALAN (Secara Keseluruhan)	PENEMUAN MASALAH / KEROSAKAN ASET MBSJ / BANGUNAN / PREMIS MBSJ	GAMBAR LOKASI KAWALAN
	Pengawal Bertugas:		

Ulasan / Cadangan Penambahbaikan Syarikat:

Tandatangan Pengesahan Syarikat :

*Syarikat hendaklah mengemukakan Laporan ini pada setiap bulan beserta dengan tuntutan bayaran



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN B

RESPONSE TIME

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

RESPONSE TIME

NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/754

**TAJUK SEBUT HARGA : PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN BERSENJATA
API DI KAUNTER HASIL IBU PEJABAT MAJLIS
BANDARAYA SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

Response Time terhadap setiap penemuan **MASALAH / SURAT TUNJUK SEBAB** oleh MBSJ:

BIL	BUTIRAN	MASA	PEMATUHAN
1.	Ketidakhadiran Pengawal Keselamatan bertugas di lokasi kawalan	Penggantian Serta Merta	SETUJU / TIDAK SETUJU
2.	Maklumbalas terhadap Surat Tunjuk Sebab	3 hari dari tarikh surat dikeluarkan	SETUJU / TIDAK SETUJU
3.	Pihak Syarikat hendaklah membuat aduan bagi sebarang penemuan masalah / kerosakan aset / bangunan MBSJ kepada Bahagian Pentadbiran AM, Jabatan Khidmat Pengurusan	Aduan Serta Merta *Pengawal Keselamatan bertanggungjawab mengawal kawasan/aset bermasalah sehinggalah aduan selesai diambil tindakan.	SETUJU / TIDAK SETUJU

*wajib nyatakan samada setuju / tidak setuju



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN C

PERJANJIAN KONTRAK

PERJANJIAN KONTRAK

NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/754

**TAJUK SEBUT HARGA : PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN BERSENJATA
API DI KAUNTER HASIL IBU PEJABAT MAJLIS
BANDARAYA SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

BIL	BUTIRAN	PEMATUHAN *
1	Dokumen Perjanjian	
	i. Persetujuan menandatangani perjanjian antara pentender dan MBSJ.	SETUJU / TIDAK SETUJU
	ii. Mematuhi skop kerja, terma rujukan, dokumen perjanjian, garis panduan yang memaksudkan bidang tugas/tanggungjawab yang perlu dilaksanakan serta peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Majlis Bandaraya Subang Jaya, Kerajaan Negeri Selangor dan kerajaan Malaysia.	SETUJU / TIDAK SETUJU
	iii. Pentender bertanggungjawab sepenuhnya ke atas segala tindakan undang-undang yang dikenakan sekiranya berpunca dari kecuaiian pentender.	SETUJU / TIDAK SETUJU
	iv. Pihak Majlis akan menyediakan dokumen perjanjian untuk ditandatangani oleh pihak tuan di mana pihak tuan dikehendaki untuk membayar semua kos guaman yang ditetapkan oleh Majlis. Sekiranya pihak tuan gagal untuk menandatangani perjanjian di dalam tempoh yang ditetapkan, Majlis berhak untuk membatalkan pelantikan tuan.	SETUJU / TIDAK SETUJU
	v. Fi bagi penyediaan Dokumen Perjanjian (Sila Rujuk Jadual Fi Penyediaan Dokumen Perjanjian Mengikut Nilai Kontrak pada Perkara 20.0 Arahan Kepada Petender)	SETUJU / TIDAK SETUJU

*wajib nyatakan samada setuju / tidak setuju



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN D

TERMA BAYARAN

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

TERMA BAYARAN

NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/754

**TAJUK SEBUT HARGA : PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN BERSENJATA
API DI KAUNTER HASIL IBU PEJABAT MAJLIS
BANDARAYA SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

BIL	BUTIRAN	PEMATUHAN
1.	Inbois yang telah ditandatangani	Wajib
2.	Dua salinan Surat Pemberitahuan Penerimaan Sebutharga / Tender	Wajib
3.	Dua salinan Surat Setuju terima Sebutharga / Tender	Wajib
4.	Surat Akuan Siap Kerja yang telah ditandatangani oleh Pengarah Syarikat	Wajib
5.	Mengemukakan Laporan Bulanan beserta gambar-gambar lokasi kawalan (seperti format yang telah ditetapkan; Lampiran 2)	Wajib
6.	Salinan Dokumen Perjanjian Kontrak	Wajib
7.	MBSJ berhak membuat pemotongan bayaran bulanan sekiranya terdapat sebarang penemuan kesalahan	Setuju / Tidak Setuju

*wajib nyatakan samada setuju / tidak setuju